

30/09/1998

Wan Azizah minta penjelasan

PETALING JAYA, Selasa - Isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, mendesak Menteri Dalam Negeri menjelaskan bagaimana dan kenapa suaminya cedera ketika dalam tahanan polis.

Menurutnya, kejadian yang disifatkannya 'kekejaman polis' itu perlu diberi penjelasan.

"Saya mahu meminta Menteri Dalam Negeri memberikan penjelasan mengenai kenapa dan bagaimana perkara ini boleh berlaku," katanya tanpa menyebut nama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri.

Bercakap pada sidang akhbar di sini malam ini, beliau berkata, keadaan suaminya ketika dibawa ke mahkamah pagi ini mengejutkan beliau dan membuatnya bimbang mengenai keselamatan Anwar.

"Bila saya melihatnya, saya dapati ada tanda lebam di keliling mata kirinya, ada juga tanda luka pada sebelah kiri dahinya kira-kira setengah inci.

"Penglihatannya juga sedikit terganggu dan beliau mengadu keseimbangannya turut terjejas," katanya yang tetap berbangga Anwar masih kuat semangat.

Sehubungan itu, katanya, kebimbangan beliau terhadap keselamatan suaminya bukan tidak berasas dan ini terbukti apabila Anwar mengadu di mahkamah hari ini.

Mengenai penerimaan anak-anaknya terhadap keadaan Anwar, Dr Wan Azizah yang ditemani anak sulungnya, Nurul Izzah, 18, berkata sudah tentu mereka bersedih.

"Sudah tentu mereka sedih melihat papa mereka dilayan sebegitu. Sudah tentu mereka menangis.

"Tetapi, papa mereka memberitahu bahawa beliau adalah seorang pejuang dan beliau tidak bersalah. Mereka boleh melihat papa mereka masih bersemangat tinggi," katanya.

Dr Wan Azizah berkata, suaminya dibawa bertemu seorang pakar mata yang dilantik Bukit Aman, petang ini.

Menjawab soalan mengenai gerakan reformasi selepas ketiadaan Anwar, beliau berkata: "Nampaknya mereka perlu meneruskannya kerana suami saya selalu berkata bahawa satu Anwar mungkin jatuh, tetapi itu tidak bermakna Anwar yang lain tidak boleh bangkit dan meneruskan perjuangan apa yang dimahukan."

(END)